

YAYASAN WAKAF JANA SUMBER EKONOMI

*Sumber : Utusan Malaysia On-Line
Jumaat, 15 Februari 2008*

PUTRAJAYA 14 Feb. - Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) yang dilancarkan hari ini dijangka mampu menjana sumber ekonomi berpotensi tinggi serta pembangunan sosial umat Islam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin berkata, pengemblengan sumber-sumber wakaf menerusi bidang perdagangan dan perindustrian akan meningkatkan taraf pendidikan dan kesihatan ummah.

Justeru, kata beliau, bagi memastikan kelancaran fungsi YWM, seramai 21 orang tokoh terkemuka daripada pelbagai latar belakang akan menganggotai Lembaga Pemegang Amanah YWM termasuk ahli korporat, wakil agensi kerajaan dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

"Pada peringkat awal ini, YWM akan bekerjasama dengan MAIN untuk membina dan menguruskan hotel-hotel wakaf yang dibangunkan di atas tanah-tanah wakaf di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Seterusnya, ia akan menyediakan peluang-peluang pekerjaan terutama kepada golongan miskin dengan bantuan MAIN dan agensi-agensi kerajaan berkaitan," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas pelancaran penubuhan YWM di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini.

Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar), Dr. Sohaimi Mohd. Salleh.

Abdullah berkata, projek-projek ekonomi yang dirancang dapat meningkatkan kehidupan sosio ekonomi umat Islam dalam bidang pelajaran, keusahawanan dan kesihatan.

Katanya, produk-produk wakaf kontemporari seperti Saham Wakaf dan Wakaf Tunai juga mampu menarik umat Islam untuk berwakaf.

Menurutnya, masalah pertindihan tugas antara MAIN dan YWM dalam pembangunan wakaf tidak akan berlaku kerana banyak tanah wakaf tidak dapat dibangunkan oleh MAIN disebabkan oleh faktor kekurangan sumber kewangan.

Kerajaan sebelum ini menyediakan dana sebanyak RM250 juta dalam tempoh RMK-9 bagi membolehkan yayasan itu memulakan operasinya.

"Sehubungan itu, YWM akan membantu membangunkan tanah-tanah wakaf tersebut menerusi peruntukan yang diberikan oleh kerajaan itu," katanya.